

26 MAR 2002

MTUC-Kontroversi/I

PENGASINGAN KAUM: MTUC GESA PENYELESAIAN SECARA BAIK

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini menggesa Kementerian Pendidikan berbincang dengan para pemimpin Kesatuan Perkhidmatan Perguruan kebangsaan (KPPK) untuk mencapai penyelesaian secara baik kepada dakwaan isu pengasingan pelajar mengikut kaum di sekolah.

Presiden MTUC Senator Zainal Rampak dalam satu kenyataan di sini berkata: "Memandangkan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) telah menyatakan bahawa perkara itu berbangkit akibat salah faham dan kurangnya komunikasi antara pihak-pihak yang terbabit. Ia hanya adil jika isu itu diselesaikan."

Zainal mengulas mengenai kontroversi antara Kementerian Pendidikan dan KPPK yang menurutnya mungkin menjejaskan proses pembangunan nasional.

Beliau berharap kedua-dua pihak akan meneruskan proses pembangunan negara dan tidak mensia-siakan sumber-sumber bernilai dan tenaga dalam aktiviti yang tidak produktif seperti menyalahkan orang lain.

Zainal menambah bahawa budi-bahasa, bertimbang rasa dan hati naluri yang baik akan mengatasi perbezaan peribadi dalam mendapatkan penyelesaian secara baik daripada memanjangkan isu itu.

Zainal berkata "MTUC yakin komen KPPK itu dilakukan dengan niat baik bagi melindungi kepentingan jangka masa panjang generasi muda."

"Kami (MTUC) tidak melihat sebarang niat jahat dalam mana-mana tindakan ini dan dakwaan dan kritikan terhadap kepimpinan KPPK perlu dihentikan," katanya.

-- BERNAMA

FA RV LAT